

/ PERBEZAAN TEKS-TEKS ADAT TEMENGGONG

O

L

E

H

ASIAH BINTI TAHARIP/

O

O

O

O

/ JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

O

O

O

O

SESI 81 / 82.

BAB KETIGA

Sistem Perkahwinan, Perceraian dan Ruju^c dalam ^cAdat Temenggong Secara Umum.

a- Sistem Perkahwinan.

Ugama kita yang maha suci menggalakan mereka yang mampu, di segi fizikal dan material supaya mendirikan rumah tangga dan menyambungkan zuriat dengan aman damai. Kesejahteraan hidup kekeluargaan dapat menjamin keamanan hidup bermasyarakat.

Sebagaimana yang diketahui bahawa susunan masyarakat dalam ^cAdat Temenggong adalah merupakan sistem masyarakat yang " bilateral " di mana sistem perkahwinannya adalah berbentuk sistem perkahwinan " endogami ". Boleh dikatakan kebanyakan ^cadat perkahwinan orang-orang Melayu beradat Temenggong ini menggambarkan kebudayaan Hindu tetapi disulami dengan cara Islam dan diberi corak tempatan. Umpamanya hal-hal yang berkaitan dengan nikah, cerai,

larangan kahwin, ruju^c dan nafkah adalah mengikut Islam. Oleh kerana itu didapati dalam tiap-tiap negeri ada undang-undang yang tersendiri yang mengatur pentadbiran hukum Syara^c (Islam) khasnya di dalam perkara yang tersebut. Dengan itu terdapat beberapa undang-undang Pentadbiran Ugama Islam di-Malaysia iaitu:-

- I- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Selangor: No. 3, 1952. (Enakmen Selangor).
- 2- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Trengganu: No. 4, 1955. (Enakmen Trengganu).
- 3- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perak : No. II, 1965. (Enakmen Perak).
- 4- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Pahang: No. 5, 1956. (Enakmen Pahang).
- 5- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perlis: No. 3, 1964. (Enakmen Perlis).
- 6- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Melaka: No. I, 1959. (Enakmen Melaka).
- 7- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Pulau Pinang: no. 3, 1959. (Enakmen P.Pinang).
- 8- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Kedah: No. 3, 1962. (Enakmen Kedah).
- 9- Undang-undang Pentadbiran Igama Islam, Johor: No. I4, 1978. (Enakmen Johor).

10- Undang-undang Mahkamah Syaria^Cah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam, Kelantan: No. I, 1960. (Enakmen Kelantan No. I) dan Undang-undang Majlis Ugama dan ^CAdat Istiadat Melayu: No.2, 1966, (Enakmen Kelantan No. 2).

Manakala upacara perkahwinan pula mengikut kebudayaan Hindu seperti berinai, bersanding dan lain-lain.

Adapun ^Cadat resam orang Melayu dalam mencari bakal menantu atau mencari jodoh pertemuan anak-anaknya, merupakan urusan orang tua-tua tetapi hal seperti ini hampir luput di masa sekarang. Untuk mencari jodoh pada kebiasaannya ibubapa akan berunding dengan sanak saudara.

Apa yang dikatakan upacara ^Cadat perkahwinan orang Melayu lama dan juga sekarang ini dapat dikelaskan pada tiga peringkat besar:-^I

^IHj. Mokhtar bin Md. Dom, "Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu," Siri Kebudayaan Kita, (Kuala Lumpur, Singapore, Hongkong : Federal Publication, 1977), h. 2 - 3.

- I- Merisik, meminang dan menghantar belanja serta ^Cadat nikah.
- 2- Berendam dan berasah gigi serta berinai.
- 3- Bersanding, mandi berlimau dan bertandang serta menyambut menantu.

Merisik:

^CAdat merisik atau " tilik pandang " di- dalam memilih bakal menantu itu adalah meliputi dari semua aspek iaitu termasuk paras rupanya, tingkah lakunya, kebersihannya, ^Cadab tertibnya terhadap orang tua-tua dan bakal suaminya, pelajarannya terutama pelajaran ugamanya, kerajinan di dalam urusan rumah tangganya dan sebagainya.

Demikianlah halusnya penelitian mencari bakal menantu mengikut ^Cadat resam Melayu. Setelah itu baharulah diwakilkan hajatnya itu pada saudaramara yang lebih tua, dihormati dan disegani atau melalui orang-orang di dalam kampung itu yang mahir dalam hal pinang meminang.

Di sebelah pihak perempuan juga melakukan penyiasatan seperti yang dilakukan oleh pihak lelaki. Penyiasatan ini pada ghalibnya adalah sebagai berikut:-²

Pertama: Tentang rupa pemuda itu dan umurnya sama ada layak dan padan jadi bakal menantunya untuk pasangan hidup anaknya.

Kedua: Mata pencariannya atau pekerjaannya.

Ketiga: Tingkah lakunya.

Keempat: ^cAdab sopannya atau kesopanannya.

Kelima: Budi bahasanya.

Keenam: Pengajian atau pelajarannya.

Ketujuh: Keturunannya.

Menghantar tanda dan meminang:

Apabila mendapat persetujuan dari kedua-dua belah pihak maka dilakukan pula istiadat menghantar

²H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu,
(Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1964),
h. 28.

tanda dan meminang.³ Istiadat hantara tanda ini berbeza antara satu kampung dengan satu kampung lain yang berhampiran dan tidak ada keseragaman yang betul-betul dapat dijadikan sebagai panduan. Masing-masing negeri ada ^Cadatnya, asalkan tidak memboroskan perbelanjaan iaitu :-⁴

Pertama: Menghantar tanda dan terus dilakukan ^Caqad nikah.

Kedua : Menghantar tanda dan belanja sekali sebagai tanda pertunangan telah dirasmikan. (^CAdat kedua ini sebenarnya adalah mengikut ^Cadat Melayu Lama, di mana tidak diharuskan dijalankan

³Makna meminang ialah membawa sirih pinang yang cukup lengkap diisikan di dalam sebuah tepak, sirih menurut tatatertib yang telah di^Cadatkan oleh orang-orang tua pada zaman dahulu. ^CAdat meminang dengan sirih pinang ini adalah berasal dari Hindu Tua. (lihat H.M.Sidin, Asal Usul ^CAdat Resam Melayu, h. 36.).

⁴Mokhtar b. Md. Dom, "Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu," h. 16.

atau disatukan di antara ^cadat menghantar belanja dengan ^cadat hari langsung.)

Dalam upacara hantar tanda ini pihak lelaki akan membawa:-⁵

- I- Wang mas kahwin dan belanja yang diisi di dalam batil atau cepu bertudung diperbuat daripada perak atau tembaga putih.
- 2- Sebentuk cincin permata intan atau menurut kemampuan bagaimana yang telah dijanjikan terlebih dahulu ditaruhkan di dalam cembul, kotak perak, dan sebagainya.
- 3- Tepak sirih ataupun yang berisi selengkapnya sirih dara mengikut ^cadat.
- 4- Pakaian gadis selengkapnya iaitu kain dan baju, selindang, kasut dan sebagainya yang disusun dalam satu tempat iaitu talam perak atau tembaga yang sebaik-baiknya.
- 5- Bunga rampai dan satu atau dua perenjis air mawar yang ditaruhkan di dalam dua tempat dulang perak atau tembaga putih.

⁵H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu,
h. 32 - 33.

- 6- Beberapa jenis kuih, buah-buahan yang diletakkan di atas piring beralas talam bertudung.

Sistem seperti ini terdapat di setiap negeri di Malaysia ini cuma ada sedikit-sedikit perbezaannya. Misalnya di Melaka:-⁶

- I- Sebuah tepak sirih yang lengkap dengan isinya. Ini juga wajib sebagai sirih meminang.
- 2- Cincin sebetuk sekurang-kurangnya emas sebagai cincin tanda.
- 3- Sirih junjung sebagai tambahan.
- 4- Kain untuk pakaian sebagai hadiah.
- 5- Sehelai tudung.
- 6- Buah-buahan atau lain-lainnya.
- 7- Beg tangan sebagai hadiah.

Susunan tepak sirih yang dibawa oleh pihak lelaki ialah:-

⁶Mokhtar b. Md. Dom, " Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu, h. 21.

Pertama: Tepak sirih^c adat.

Kedua : Satu tepak mengandung cincin yaitu cincin pertunangan.

Ketiga : Tepak sirih junjung.

Keempat: Tepak berisi pakaian.

Kelima : Tepak berisi kain selendang.

Keenam : Tepak berisi beg tangan.

Ketujuh: Tepak berisi buah-buahan dan lain-lain.

Jumlah tepak ini mestilah ganjil.⁷

Kemudian pihak perempuan pun memberi bala-san seperti:-

- I- Sepasang pakaian salinan untuk si teruna.
- 2- Sehelai kain samping.
- 3- Sehelai tikar sembahyang.
- 4- Sebiji songkok.
- 5- Kuih-muih dan lauk di dalam beberapa mangkuk dan dulang.⁸

⁷Ibid., h. 26.

⁸Ibid., h. 28.

Manakala di Perak perkakas meminang ialah:⁹

- I- Tepak sirih:-
 - a- Sirih antara 20 hingga 40 helai.
 - b- Pinang yang sudah dikacip, sekurang-kurangnya dua biji.
 - c- Kapur dalam sebuah cembul.
 - d- Bunga cengkeh secembul.
 - e- Gambir secembul.
- 2- Sebentuk cincin emas dan wang \$10.00 sebagai hadiah pada sigadis.
- 3- Beberapa biji pinggan yang diisikan dengan beberapa jenis buah-buahan seperti pisang, epal, anggur, dihiasi dengan bunga-bunga yang dibalut dengan kain atau kertas warna.
- 4- Sebiji atau dua biji talam yang berisi kuih-muih.
- 5- Satu bekas yang terdiri daripada kain-kain untuk pakaian selendang, kasut, beg tangan dan perkakas solek.
- 6- Kelapa muda dua biji.
- 7- Sirih junjung pinang berketih.
- 8- Dua kampak beras yang berukuran satu kaki panjang dan 4 kaki lebar.

⁹Ibid., h. 40.

Balasan dari perempuan pula ialah:

- I- Tepak sirih seperti di atas.
- 2- Satu pinggan mangkuk pulut tebal yang dipotong 4 segi.
- 3- Serikaya satu mangkuk.
- 4- Dodol satu mangkuk.
- 5- Nasi manis satu mangkuk.
- 6- Beberapa biji pinggan yang berisi dengan kuih-muih.

Begitulah seterusnya dengan negeri-negeri lain yang mempunyai upacara yang sama juga walaupun ada perbezaan hanyalah kandungan hantaran sahaja yang agak berlainan.

Pertunangan:

Pertunangan merupakan satu ikatan undang-undang dan ia mempunyai unsur-unsur kontrek untuk berkahwin di segi undang-undang. Risikan oleh pihak lelaki merupai perundingan pertama yang wujud di dalam undang-undang kontrek. Risikan ini bolehlah dikatakan sebagai perundingan permulaan atau "invitation to treat" iaitu adalah suatu perbincangan atau

perundingan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang ingin berkontrek sebelum membuat sesuatu tawaran. Ianya dibuat tanpa sebarang niat serius untuk mengikat mana-mana pihak perundingan tersebut.^{IO}

Kemudian di dalam acara peminangan pula, wakil pihak lelaki akan mengemukakan hajatnya untuk meminang sigadis dan menyatakan mas kahwin yang sanggup diberi. Ini pula adalah sama dengan konsep tawaran ^{II}di sisi undang-undang. Kontrek iaitu pernyataan niat serius seseorang untuk berkontrek. Ianya mengemukakan keinginan pihak tersebut dan menyatakan syarat-syarat yang akan wujud di dalam kontrek jika dipersetujui.

Akhirnya apabila pihak gadis menyetujui akan syarat-syarat yang dikemukakan dan kata sepakat telah tersimpul, maka ini pula adalah sama dengan

^{IO}G.H.Treitel, The Law of Contract, Fifth Edition, (London: Stevens & Sons, 1979), h. 7.

^{II}Ibid., h. 7.

konsep penerimaan di sisi undang kontrek ^{I2} iaitu persetujuan terhadap sesuatu tawaran dan mengikat kedua-dua pihak yang berkontrek.

Pertunangan boleh dikatakan sebagai suatu kontrek di mana pihak-pihak yang berkenaan mempunyai hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah undang-undang kontrek. Kedua-dua pihak berhak pada segala syarat-syarat yang ditentukan. Sekiranya mana-mana pihak yang mungkir janji boleh didakwa di Mahkamah Sivil kerana pecah kontrek. Mahkamah akan beri ganti rugi ^{I3} pada pihak yang terinaya sama ada mengikut syarat-syarat kontrek pertunangan yang telah ditentukan atau pun mengikut apa yang dianggap patut oleh pihak Mahkamah.

Jelaslah dari keterangan di atas, sesiapa sahaja, kaum wanita khususnya dan lelaki amnya diberi

^{I2}F.R.Davies, Contract, (London: Sweet & Maxwell, 1977), h. 10.

^{I3}David L.Buxbaum, Family Law & Customary Law, (Martinus Nijhott/ The Hague: Printed Netharlands, 1968), h. 114.

hak menuntut ganti rugi atau pempasan jika beliau ditinggalkan oleh tunangnya tanpa sebarang sebab yang manasabah. Tuntutan yang boleh dibuat di Mahkamah Sivil bukan sahaja terhad pada janji-janji semasa peminangan tetapi juga untuk segala kerugian yang dialami. Misalnya dalam kes Nafsiah lwn. Abd. Majid.^{I4} Dalam kes ini yang menuntut (Nafsiah) mendakwa kerosakan mungkir janji untuk berkahwin. Janji dibuat oleh yang dituduh (Abd. Majid) pada bulan Ogos 1963 secara bertulis. Dalam masalah ini hakim memutuskan bahawa tidak ada peruntukan dalam undang-undang di Mahkamah Qādi Besar Malaka yang berkaitan dengan hak sivil. Kerosakan janji yang dituntut oleh pendakwa ialah kerana yang dituduh itu kahwin lain. Tetapi menurut pendapat hakim, perkahwinan itu bukan membatalkan janji kahwin kerana lelaki Islam boleh berkahwin lebih dari satu.^{I5}

^{I4}Bashir A Malal, The Malay Law Journal, Vol II, (Singapore: Tien Wah Press (Ptc) Ltd., 1969), h. I74.

^{I5}Ibid., h. I76.

Dalam peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri juga, jika melebihi bidang kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Qādī maka kes itu akan dibawa ke Mahkamah Sivil awam. Mahkamah Qādī sebagaimana yang telah diperuntukan dalam perkara 37 (4), (b)^{I6} adalah:-

" Bagi kuasa Mal, mendengar, memutuskan atas sekelian perkara-perkara dan perbicaraan sebagaimana Mahkamah Qādī Besar juga berkuasa mendengar dan memutuskan iaitu perkara bicaraan itu ialah ber-sangkutan dengan hal yang di-hargakan tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau tidak dapat dihargakan dengan wang termasuk tuntutan minta cerai. "

Dalam fasal yang berikut:-^{I7}

^{I6}Enakmen Pahang, Perkara 37 (4) (b).

^{I7}Ibid., Perkara 37 (b).

" Jika berlaku perbalahan antara keputusan Mahkamah Qādī Besar atau Mahkamah Qādī dengan Mahkamah Awam yang menjalankan kuasanya maka keputusan Mahkamah Awam akan dipakai. "

Dari peruntukan yang diberikan di atas dapat kita katakan dalam hal kuat kuasa undang-undang ini, mengenai masalah mungkir janji kahwin akan dilaksanakan jika ada tuntutan yang dibuat ke Mahkamah. Akan tetapi jika tuntutan itu melebihi dari bidang kuasa Mahkamah Qādī Besar atau Mahkamah Qādī Perbicaraan atau tuntutan ini akan berpindah ke Mahkamah Sivil Awam. Dengan ini kita dapati dalam penguatkuasa undang-undang mengenai tuntutan pembatalan pertunangan ini terlalu kurang dibuat di Mahkamah Qādī tambahan pula jika tuntutan melebihi dari bidang kuasa Mahkamah Qādī akan menjadi tuntutan di Mahkamah Sivil Awam pula.

Hak mengarahkan pembayaran pempasan dan ganti rugi terhadap pembatalan pertunangan juga diberi ke-

pada tiap-tiap Mahkamah Syariah di negeri di Malaysia. Kesemua Enakmen Pentadbiran Agama Islam di-negeri-negeri di Malaysia ada memperuntukkan tentang pemecahan pertunangan. Misalnya:-^{I8}

" Jika sesiapa sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada secara pribadi atau melalui orang tengah, membuat perjanjian pertunangan mengikut hukum Syara' dan kemudiannya dengan tiada sebab-sebab yang sah tidak mahu kahwin dengan pihak yang sebelah lagi yang bersedia melaksanakannya, maka pihak yang mungkir, jika lelaki hendaklah membayar sebagai bayaran ganti rugi sebanyak jumlah mas-kahwin yang patut dibayar bersama-sama bayaran lain yang dibelanjakan dengan ikhlas sebagai persiapan perkahwinan, atau jika perempuan, memulangkan hadian-hadiah pertu-

^{I8} Enakmen Kelantan No. I, Perkara 60 dan Enakmen Perak, Perkara II9.

nangan jika ada, atau sebanyak harga baginya dan membayar sebagai bayaran ganti rugi jumlah wang yang lain-lain sebagaimana tersebut dahulu dan perkara ini boleh dituntut dengan pembicaraan di dalam Mahkamah. "

Di Melaka, Kedah dan Negeri Sembilan silelaki dikehendaki bayar jumlah mas-kahwin serta wang hantaran.¹⁹ Wang hantaran ialah pembayaran tunai wajib dibayar menurut ^cadat tempatan oleh pihak lelaki atau pengantin lelaki kepada pengantin perempuan pada waktu perkahwinan diadakan.

Jika pihak perempuan yang mungkir, maka ia wajib mengembalikan hadiah-hadiah pertunangan jika ada atau nilainya di samping pembayaran ganti rugi yang telah dipersetujui.²⁰

¹⁹David L. Buxbaum, Family Law & Customary Law, h. 53.

²⁰Enakmen Selangor, Perkara: I24, Enakmen Negeri Sembilan, Perkara: II9, Enakmen P.Pinang, Kedah dan Perak, Perkara: II9 dan Enakmen Melaka, Perkara: II8.

Di Kelantan, Trengganu dan Pahang diperuntukan bahawa jika yang mungkir itu dari pihak lelaki, maka ia harus membayar nilai mas-kahwin seolah-olah perkahwinan itu berlangsung ditambah dengan perbelanjaan yang telah dikeluarkan dengan suci hati untuk persiapan perkahwinan. Jika dari pihak perempuan yang memungkirkan janji maka ia mesti mengembalikan hadiah-hadiah pertunangan jika ada, atau nilainya di samping pembayaran ganti rugi yang dipersetujui atau jumlah perbelanjaan yang dengan suci hati yang telah dikeluarkan untuk persiapan perkahwinan.^{2I}

Di Perlis diperuntukan bahawa jika salah satu pihak memutuskan pertunangan, maka pihak yang mungkir, jika ia lelaki maka ia dikehendaki membayar jumlah wang yang telah dipersetujui dalam perjanjian

^{2I}Enakmen Kelantan, No. I, Perkara II7, Enakmen Trengganu, Perkara 95 dan Enakmen Perak, Perkara II7.

ditambah dengan wang mas-kahwin dan jumlah wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh pihak perempuan untuk persiapan perkahwinan. Jika dari pihak perempuan maka ia hendaklah mengembalikan hadiah-hadiah atau nilainya dan jumlah wang perbelanjaan yang telah dikeluarkan dengan suci hati untuk persiapan perkahwinan.²² Di Johor tidak ada peruntukan khas mengenai dengan hukuman yang dikenakan ke atas pemutusan pertunangan.

Nyatalah dari peruntukan di atas, peruntukan tentang hak tanggung jawab pihak-pihak yang bertunang adalah dimaktub di dalam kedua-dua hukum Syaria^ch dan Undang-undang negeri. Hukum Syaria^ch menentukan serta menamakan jumlah ganti rugi dan pampasan yang boleh diterima. Di Mahkamah Sivil pula para hakim akan menentukan ganti rugi yang wajar bagi tiap-tiap kes yang dipertimbangkan.

²²Enakmen Perlis, Perkara: 88.

^cAqad Nikah:

Mengikut hukum Islam dan Undang-undang negeri yang diperkuatkuasakan di Malaysia dengan adanya ^caqad nikah yang dilangsungkan dengan cara yang sah iaitu dengan mengikut segala peruntukan hukum Islam, maka ujudlah di antara seorang lelaki Islam dan wanita Islam suatu perkahwinan yang sah di antara kedua-duanya.

Seperti mana yang diketahui bahawa dalam upacara ^caqad nikah bagi ^cAdat Temenggong adalah serupa dengan rukun ^caqad nikah dalam Islam ialah:²³

- a- Lelaki yang akan bernikah.
- b- Perempuan yang akan dinikahi.
- c- Wali yang akan menikahkan.
- d- Saksi-saksi yang akan mendengar sah perkahwinan itu.
- e- Wang mas-kahwin (jika tunai).
- f- Lafaz ījāb wali dan qabul lelaki yang menocrima nikah.

²³H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu,
h. 37.

Sebelum ^caqad nikah itu dijalankan, tuan qādī atau Tok Imam (wakil wali yang akan menikahkan mempelai) mendaftarkan terlebih dahulu nama mempelai itu dengan segala syarat-syarat yang dikehendaki di atas dan segala jenis barang-barang hantarnya, cincin tanda, belanja hangus serta pakaian pengantin. Setelah itu, tuan qādī juga akan menanya terlebih dahulu persetujuan pengantin perempuan itu sendiri yang mana persetujuan ini merupakan satu syarat sah perkahwinan seseorang itu.

Di Kelantan, Trengganu dan Pahang diperuntukan bahawa perkahwinan adalah tidak sah melainkan kedua pihak menyetujuinya. Laporan perkahwinan wajib dibuat oleh kedua pihak yang berkahwin dan oleh wali dari perempuan jika ada, tetapi pendaftaran dalam daftar perkahwinan tidak memerlukan tanda tangan dari pengantin perempuan.²⁴

²⁴Enakmen Kelantan, No. I, Perkara 53 (I), 63 (2), Enakmen Pahang, Perkara 120 (a), (b) dan Enakmen Trengganu, Perkara 98 (a), (b).

Di Selangor jika perkahwinan di^cagadkan oleh seorang wali, maka kewajipan si walilah bersama-sama dengan dua orang yang menyaksi nikah itu melaporkan perkahwinan itu kepada Pendaftar. Bagi perkahwinan yang di^cagadkan oleh seorang lain, dari wali atau oleh Pendaftar, maka orang yang mengagadkan nikah itu harus mengirim butir-butir mengenai perkahwinan tersebut pada Pendaftar. Pengantin perempuan tidak diperlukan menanda tangani pendaftaran dalam daftar perkahwinan, tetapi kedua pihak yang berkahwin harus mengisi dan menanda tangani satu borang tertentu di mana dinyatakan hasrat mereka hendak berkahwin.²⁵

Diperuntukan juga bahawa lelaki yang hendak berkahwin itu mesti menyatakan dalam borang tertentu sebelum berkahwin apakah ia tidak kahwin dan jika ia sudah kahwin maka satu penyiasatan lanjut akan diadakan.²⁶

²⁵Peraturan Nikah, Cerai & Ruju' di dalam Negeri Selangor 1962, Perkara: 121 (2).

²⁶Ibid., Perkara: 121 (2).

Menurut Enakmen Negeri Selangor, perkahwinan boleh di^caqadkan oleh orang yang diberi kuasa oleh Raja. Wali boleh mengaqadkan nikah tetapi hanya di hadapan dan izin Imam dari sebuah masjid.²⁷

Peraturan yang sama mengenai ^caqad nikah dan pendaftaran nikah kita jumpai dalam Undang-undang Syari^cah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam, Kelantan, perkara 59 (I) hingga (5) dan Enakmen Trengganu, perkara 94 (I) hingga (4).

Di Kelantan dan Trengganu wali diperkenankan mengaqadkan nikah hanya di hadapan dan izin Pendaftar nikah. Seterusnya ditentukan pula bahawa perkahwinan yang di^caqadkan walaupun melanggar peraturan-peraturan berkanun tetapi sesuai dengan hukum Syara', adalah sah dan hendaklah didaftarkan, walaupun orang yang mengaqadkan nikah itu boleh dihukum.²⁸

²⁷Enakmen Selangor, Perkara : 121 (I).

²⁸Enakmen Kelantan, No. I, Perkara : 61 (2) dan Enakmen Trengganu, Perkara: 96 (2).

Di Pahang diperuntukan oleh Enakmen Pahang bahawa peruntukan ini tidak berlaku bagi perkahwinan yang dilangsungkan oleh wali mujbir, iaitu bapa atau datuk yang mempunyai hak memaksa.²⁹

Di Perlis diperuntukan pula bahawa semua perkahwinan hendaklah di^caqadkan di masjid di mana perempuan yang akan berkahwin itu biasa tinggal, tetapi Pendaftar yang mempunyai bidang kuasa di masjid itu boleh memberi izin bertulis bagi mengaqadkan perkahwinan di tempat lain.³⁰

Di Perak diperuntukan pula bahawa Pendaftar boleh mengaqadkan perkahwinan seseorang perempuan yang tidak mempunyai wali. Seterusnya jika wali dari seorang perempuan yang hendak kahwin tanpa alasan yang patut menurut hukum Syara' menolak persetujuannya bagi perkahwinan, maka perkahwinan itu dapat di-

²⁹Enakmen Pahang, Perkara: I20.

³⁰Enakmen Perlis, Perkara: 87 (I).

^caqadkan oleh qādī atau qādī Besar dengan syarat bahawa perempuan itu telah berumur 18 tahun. Tetapi sebelum di^caqadkan perkahwinan, qādī dan qādī Besar hendaklah mengadakan penyiasatan untuk meyakinkan bahawa tidak terdapat rintangan sah menurut hukum Syara' dan ^cadat istiadat Melayu.³¹

Di Pulau Pinang, Melaka dan Kedah diperuntukan bahawa dalam hal di mana wali menolak persetujuannya atas perkahwinan, maka Pendaftar, jika ia sendiri bukanlah se orang qādī mesti pula mendapat persetujuan dari qādī dan qādī Besar.³²

Seterusnya di Pulau Pinang dan Melaka juga ditentukan bahawa daftar perkahwinan harus ditandatangani oleh kedua belah pihak, iaitu suami dan isteri. Dengan syarat ini, maka persetujuan pengantin perempuan adalah diperlukan bagi pendaftaran perkah-

³¹Enakmen Perak, Perkara 120 (3) & (4).

³²Enakmen Melaka, Perkara 115 (4) dan Enakmen Pulau Pinang dan Kedah, Perkara 116 (4).

winan.³³ Di Malaysia Barat telah dinyatakan iaitu di dalam Ordinan Perkahwinan Sivill (Civil Marriage 1952), bahawa perkanwinan di mana salah satu pihak menganut agama Islam tidak di^caqadkan atau didaftarkan.³⁴

Menurut Ahmad Ibrahim,³⁵ seseorang wanita Islam menurut hukum Islam tidaklah boleh melakukan ^caqad nikah yang sah dengan seseorang lelaki yang tidak menganut Islam tetapi perkahwinan antara seorang lelaki Islam dan seorang wanita Kitabiyah, umpamanya wanita Kristian atau Yahudi yang percaya pada kitab-kitab yang kebenarannya diakui oleh orang Islam adalah sah.

Peruntukan untuk perlaksanaan upacara dan pendaftaran perkahwinan di Tanah Melayu hanya dikenakan kepada orang-orang yang beragama Islam sahaja dan

³³Enakmen P.Pinang, Perkara: II6(3) dan Enakmen Melaka, Perkara: II5 (3).

³⁴Perlembagaan Persekutuan, Bab I, Per:3(2).

³⁵Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, (Singapore: s.m., 1965), h. 195.

tiada peruntukan yang dibuat untuk upacara dan pendaftaran nikah di bawah undang-undang perkahwinan dalam Islam antara orang lelaki Islam dengan wanita Islam.

Dalam perkara perkahwinan campur ini, al-Nawawi menerangkan seperti berikut iaitu : seseorang lelaki Islam boleh berkahwin dengan orang perempuan Kitabiyah (seorang perempuan Kristian atau Yahudi) tetapi tidak boleh dengan orang perempuan Majusi atau penyembah berhala. Seseorang lelaki Islam boleh juga berkahwin dengan orang perempuan Harbi atau Zimni, tetapi makruh. Seseorang perempuan Kristian yang boleh dikahwini oleh lelaki Islam hendaklah susur galurnya dari orang Kristian atau Yahudi yang asal. Tiada sebarang sebab yang membolehkan seseorang perempuan Islam dikahwini oleh orang lelaki yang bukan Islam.³⁶

³⁶Al-Nawawi, Minhāj al-Tālibīn, ed., L.W.C Van Den Berg, Jilid Kedua, (Batavia: s.n., 1884), h. 347 - 350.

Enakmen ini telah menetapkan
 uju^c mestilah didaftarkan
 kesalahan jika tidak di-

tiap negeri. Enakmen-enak
 bahawa nikah, t̄ālaq dan ru
 dan dianggap sebagai satu
 daftarkan .

an perkahwinan berdasarkan
 a larangan itu meliputi ibu
 -anak dari orang tuanya, anak-
 rempuan.

hwinan atas dasar sepersusuan
 erapa diamalkan oleh masyara-
 setengah tempat di Malaysia
 i Perak seorang lelaki dibo-
 perempuan yang menyusu dari,
 sti bayar sedekah emas dan

tata tertib pernikahan iaitu
 membaca doa dan menerangkan
 akan tanggung jawab suami pa-

Tentang larang
 pertalian darah lazimny
 dan bapa seseorang anak
 anak dari lelaki dan pe

Larangan perkah
 boleh dikatakan tidak be
 kat Melayu di setengah-s
 ini. Menurut U.99 dari
 lehkkan berkahwin dengan
 isterinya. Tetapi ia me
 perak di masjid.³⁷

Setelah selesai
 ījāb dan qabul qādī akan
 suarat-suarat yang memur

Umpamanya kalau suami itu meninggalkan siisteri selama tiga bulan dengan tiada meninggalkan nafkah dan apabila siisteri mengadu pada qādī, maka gugurlah talak satu.³⁸

Setelah itu diadakan upacara membatalkan air sembahyang dengan cara menyarungkan cincin hantaran ke jari manis kanan pengantin perempuan.

Dalam upacara ^caqad nikah ini disebutkan tentang jumlah mas-kahwin. Mas-kahwin ini ialah sejumlah wang atau barang yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan. Allah berfirman yang berbunyi:³⁹

” وَأَتَوَالْنِسَاءَ صَدَقَتِهِنَّ نَحْلَةً ”

Maksudnya:

” Dan kamu berikanlah kepada perempuan itu mas-kahwin mereka sebagai suatu pemberian. ”

³⁸ H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu,
h. 39.

³⁹ al-Qur'ān, Sūrah an-Nisa', 4 : 4.

Jika jumlah mas-kahwin tidak disebutkan, siperempuan berhak mendapat mas-kahwin yang ditetapkan atau diperolehi oleh perempuan lain yang sama keadaan dengannya.⁴⁰ Mas-kahwin atau wang mahar ini mestilah dari wang pengantin lelaki itu sendiri. Selain dari wang, boleh juga berupa apa-apa benda yang dipersetujui oleh pihak perempuan sebagai "maharnya".

Sebab dikatakan wang "mahar" itu sebagai mas kahwin ialah kerana pada zaman dahulu emaslah sebagai wang mahar perkahwinan seseorang itu ialah emas urai yang berat sa-bahara atau dua bahara menurut keadaan masing-masing pada masa itu. Maksud sa-bahara atau dua bahara yang dikatakannya itu ialah lebih kurang seberat bara api perasapan yang biasa digunakan bagi pembakar kemiyan dan bukanlah berat satu bahara yang menurut ukuran timbang yang tidak tetap tergantung

⁴⁰Dr. Ahmad Syalaby, Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam, (Singapura: Pustaka Nasional, 1976),

dari jenis-jenis barangnya. Emas 10 kati, agar-agar 12 pikul, kayu cendana 6 pikul, teripang 3 pikul. Dan secara kebetulan pada zaman itu emas memang banyak yang boleh didapati di Raub (Pahang), Johor, Gemas (Negeri Sembilan), Kelantan, Trengganu.⁴¹ Dan emas sa-bahara yang dikatakannya itu berharga lebih kurang \$22.00 sahaja, kalau dua bahara berharga \$44.00 sahaja.

Mengikut ^cadat Melayu mas-kahwin biasanya , diberi mengikut taraf, kemampuan, tempat dan lain-lain bagi seseorang itu. Mas-kahwin ini berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain.⁴² Misalnya di Pahang telah diperuntukan bahawa jumlah mas-kahwin ditentukan oleh Ketua Majlis (Ruler in Council).⁴³

⁴¹H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu, h. 43.

⁴²Tunku Pekirma Wira, " Islam & Adat (in Kuala Trengganu)", Intisari, Vol. I, No: I - 4, (Singapore: M.S.R.I., 1963), h. 39.

⁴³Enakmen Pahang, Perkara: 2.

Pada masa sekarang jumlah mas-kahwin berbagai-bagai iaitu \$50.00 untuk anak orang-orang biasa manakala anak pembesar ialah sebanyak \$100.00.⁴⁴

Di daerah Naning dan Alor Gajah di Melaka jumlah mas-kahwin adalah mengikut ^cadat Melayu iaitu \$60.00 untuk yang belum berkahwin lagi dan \$40.00 untuk perempuan yang sudah berkahwin.⁴⁵

Di negeri-negeri lain pula seperti berikut:⁴⁶

Di Johor dan Singapura \$22.50.

Di Pulau Pinang kebanyakannya \$24.00.

Di Selangor anak dara \$44.00 dan janda \$12.00.

Di Melaka anak dara \$20.00, bayaran ^cadatnya \$40.00 jadi \$60.00 dan janda \$20.00, bayaran ^cadatnya \$20.00 jadi \$40.00.

⁴⁴Ahmad b. Mohammad Ibrahim, "Islam & Adat", Intisari, Vol.2, No. I-4, (Singapore: M.S.R.I., 1963), h.54.

⁴⁵Hj. Mohammad Din b. Ali, "Two Forces in Malay Society," h.27.

⁴⁶H.M.Sidin, Asal Usul ^cAdat Resam Melayu, h.44.

Sedangkan di Perak berperingkat-peringkat pula susunan mas-kahwinnya ialah:-

a-	Puteri Sultan	\$ I,000.00.
b-	Puteri Raja Muda	750.00.
c-	Puteri Raja Bendahara	500.00.
d-	Puteri Raja Di-Hilir	350.00.
e-	Puteri Raja-raja Waris negeri	250.00.
f-	Anak Orang-orang Besar 4 atau 8	150.00.
g-	Anak orang baik-baik	100.00.
h-	Anak orang-orang kebanyakan.	50.00.

Jadi jumlah mas-kahwin di negeri Perak bergantung pada status beberapa pengantin perempuan antara \$50.00 bagi orang kebanyakan sehingga \$I,000.00 bagi pengantin di Raja.⁴⁷

Dalam Enakmen Perak telah dinyatakan bahawa:-⁴⁸

⁴⁷Ahmad Ibrahim, Malay Family Law in Malaysia, (Singapore: Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, 1973), h. 17.

⁴⁸Enakmen Perak, Perkara: 123.

Mas-kahwin bolehlah dibayar dengan tunai atau berhutang dengan cagaran atau tidak oleh sisuami atau wakilnya kepada siisteri atau wakilnya di hadapan orang yang mengadakan nikah itu dan sekurang-kurangnya dua orang saksi. "

Sebagai tambahan pada mas-kahwin di setiap negeri dalam Malaysia ini ialah tentang suatu pembayaran yang dinamakan sebagai " hantaran " atau "belanja hangus" yang dinyatakan ketika ^caqad nikah.⁴⁹

Belanja hangus ini bukanlah sesuatu yang diwajibkan mengikut hukum Syara', bahkan ia hanyalah semata-mata berupa ^cadat sahaja yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak keluarga lelaki dan perempuan. Pada masa sekarang belanja hangus ini digunakan untuk membeli peralatan bilik tidur pengantin

⁴⁹Ahmad bin Mohammad Ibrahim, " The Status of Muslim Women in the Family Law in Malaysia," Intisari, Vol. 2, Part I - 4, (Singapore: M.S.R.I., 1963), h. 329.

seperti katil, meja solek, almari pakaian dan sebagainya. Kalau ada selebihnya digunakan untuk belanja mengadakan kenduri di hari perkahwinan yang akan dilangsungkan. Belanja hangus adalah pemberian dari lelaki pada ibu bapa atau wali yang bertanggung jawab terhadap seseorang gadis itu untuk perbelanjaan persiapan perkahwinan.

Di negeri Perak perbelanjaan perkahwinan perkahwinan ada dua, iaitu belanja tubuh dan belanja hangus. Belanja tubuh antara \$60.00 hingga \$100.00 manakala belanja hangus pula ditetapkan mengikut situasi seseorang itu.⁵⁰

Hantaran pula berupa barang-barang seperti sepasang pakaian, selendang, kasut, beg tangan, alat-alat solek, cincin emas atau berlian dan lain-lain. Pemberian dari suami pada isteri ini setelah berlaku perceraian tidak boleh dituntut kembali kerana ia me-

⁵⁰Hj. Mokhtar Md. Dom, Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu, h. 43.

upakan hadiah.

Keadaan yang berlaku di bahagian Utara Malaysia sekarang (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) belanja hantaran anak gadis kampung yang tidak menjawat sebarang pekerjaan ialah \$750.00. Sekiranya gadis itu bekerja belanja hantarannya paling kurang ialah \$1,500.00. Sementara di kawasan bandar bekerja atau tidak paling kurang \$1,000.00. Di Johor hantaran biasanya mengikut taraf atau kedudukan keluarganya. Kalau ibu bapa orang yang kurang berada serta gadis itu kurang pula pelajarannya, hantarannya kira-kira \$400.00 atau \$500.00. Tetapi kalau ibu bapanya orang berharta serta berpangkat pula maka hantarannya juga akan meningkat \$700.00 atau \$800.00 hingga \$1,000.00.^{5I}

Terdapat juga perkahwinan yang dilakukan tidak dikenakan belanja hangus sama ada tidak diadakan

^{5I}Ibid., h. 67.

kenduri atau keluarga sebelah pihak perempuan yang sengaja tidak mahu meminta dari pihak lelaki dan menanggung perbelanjaan itu secara perseorangan disebabkan orang berada dan sebagainya. Dalam hal ini seseorang lelaki itu hanya perlu menyediakan mas-kahwin, pemberian dan hantaran jika ada.

Di sebalik hak menerima mas-kahwin ini si-isteri atau wali juga berhak menuntut supaya sisuami berta'liq. Ta'liq merupakan janji yang dibuat oleh sisuami semasa ^caqad nikah. Sekiranya sisuami tidak mematuhi kepada ta'liq ini kelak, maka siisteri bolehlah menuntut perceraian berdasarkan ta'liq tersebut. Hukum Islam tidak melarang apa saja bentuk ta'liq asalkan sahaja ianya tidak melanggar prinsip-prinsip hukum Islam. Pada lazimnya tiap-tiap negeri ada memperuntukkan jenis ta'liq yang dibaca oleh pengantin lelaki semasa ^caqad nikah. Walau bagaimanapun pada hakikatnya sepasang mempelai tidaklah terikat hanya kepada ta'liq yang disediakan sahaja. Undang-undang dan hukum tidak melarang ta'liq itu ditokok tambah asalkan tidak melanggar hukum Islam.

Misalnya akan menjadi tak sah jika- sisuami disuruh berta'liq bahawa jika beliau berkahwin lagi maka siisteri boleh menuntut perceraian. Ini adalah melanggar hukum kerana Islam membenarkan seorang lelaki berpoligami. Tetapi sisuami boleh disuruh berta'liq bahawa jika beliau berlaku tidak adil, atau zalim, atau mengsia-siakan isterinya maka beliau berhak menuntut perceraian.

Istiadat berasah gigi, berendam dan berlangir:

Istiadat ini dijalankan sebelum istiadat berlangsong (bersanding) diadakan. Dalam istiadat ini tubuh badan pengantin perempuan (pengantin lelaki di setengah-setengah tempat) dipelihara oleh emak pengantin atau " mak andam ", atau tok pawang dengan maksud untuk buang sial atau buang geroh di samping hendak mengelakkan dari " terkena pandang " dari orang-orang yang mungkin tidak senang hati kononya. Tetapi pada masa sekarang upacara seperti ini tidak banyak dijalankan.

Dalam istiadat ini pengantin tadi didudukkan di atas kain putih lebih kurang dua ela setengah penjangnya kemudian barulah dihalankan kerja-kerja berasah gigi, berandam dan berlangir.⁵²

Berandam ialah perempuan yang hendak dikahwinkan itu dipotong rambut di atas dahinya, dan bulu keningnya dicukur. Akhir sekali pengantin akan dimandikan dengan air limau purut, dibedak serta disintok langir sekali.

Istiadat berinai atau berhina:-

Selepas istiadat berandam dan berlangir tadi, diadakan pula adat upacara " berinai ". Kedua-dua pengantin akan dipakaikan "inai" bagi mencantikkan dan memeriahkan upacara perkahwinan. Di malam berinai ini kebanyakan negeri seperti Melaka, Johor dan Selangor pengantin perempuan akan dipakaikan dengan

⁵²Ibid., h. 4 - 6.

berbagai-bagai baju Kebangsaan bangsa Cina, Hindu, Inggeris dan lain-lain.⁵³ Dalam upacara berinai ini terdapat setengah-setengah negeri menjalankannya dengan cara berperingkat-peringkat. Ada satu peringkat dua peringkat dan tiga peringkat.

Contohnya di Melaka upacara berinai ini diadakan dengan tiga peringkat:-⁵⁴

- 1- Berinai curi - tiga malam sebelum hari langsung.
- 2- Berinai kecil - dua malam sebelum hari langsung.
- 3- Berinai besar - satu malam sebelum hari langsung.

Persandingan (hari langsung):-

Upacara kemuncak perkahwinan di dalam adat orang-orang Melayu ialah upacara persandingan. Upacara ini tidak dapat ditinggalkan oleh mereka, kecuali

⁵³Dr. Mahathir, " Interaction - Integration, " Intisari, Vol. I, No.3, (Singapore: M.S.R.I., 1963).
h. 40.

⁵⁴Hj. Mokhtar b. Md. Din, Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu, h. 29 - 30.

li perkahwinan seorang janda. ^CAdat bersanding ini hanya akan dijalankan apabila selesai ^Caqad nikah, berinai, membaca doa selamat dan makan serta membahagikan bunga telur pada para jemputan di kedua-dua pihak di rumah pengantin perempuan. Istiadat ini boleh juga dinamakan sebagai "hari langsung". Pada waktu ini pasangan pengantin ini dianggap sebagai "raja sehari".

Mengikut ^Cadat, seorang lelaki dan perempuan itu tidak boleh disatukan walaupun sudah ada ^Caqad nikah. Ini dikatakan "nikah gantung". Mereka boleh disatukan bila selesai upacara persandingan. Pada kebiasaannya upacara persandingan di semua negeri diadakan selepas sebulan atau selepas beberapa bulan nikah gantung.⁵⁵

Pada hari langsung pengantin lelaki dijemput ke rumah pengantin perempuan dengan membawa "si-

⁵⁵Dr. Mahathir, "Interaction - Integration," h. 39.

rih latlat ". Apabila pengantin lelaki telah sampai di rumah pengantin perempuan ia tidak dibenarkan naik atau masuk sehingga ia membayar wang seperti kata "adat " tebus pintu ". Kemudian hadapi satu acara lain iaitu "tebus pelamin" dan " tebus kipas." Ia dikehendaki membayar sejumlah wang kepada mak andam untuk membolehkan ia duduk di pelamin dan melihat wajah pengantin perempuan yang mana dari mula-mula lagi ditutup dengan kipas.⁵⁶

Selepas bersanding kedua-dua pengantin dibawa masuk ke bilik untuk berkenal-kenalan buat kali pertama dan pada esok harinya kedua-dua pengantin akan bertandang ke rumah kaum keluarga kedua-dua pihak.

b- Sistem Perceraian dan Ruju^c:

⁵⁶Tengku Pekirma Wira, " Islam & Adat (in Kuala Trengganu)," h. 38.

Dalam UM. menyatakan *tālaq* ada dua iaitu *tālaq raj^ci* iaitu *tālaq* yang boleh diruju^c semula dan *tālaq bāin* iaitu *tālaq* yang tidak boleh kembali melainkan dengan syarat-syarat tertentu sahaja. *Tālaq raj^ci* itu seperti *tālaq* satu atau dua dan boleh ruju^c pada bila-bila masa sahaja. Manakala *tālaq bāin* jika ingin kembali semula perempuan itu hendaklah berkahwin dengan orang lain dahulu kemudian ia diceraikan oleh lelaki yang baru dikahwini itu. Setelah *ḥiddah* ia boleh kembali semula pada suaminya. Masa *ḥiddah* ialah 3 bulan 10 hari.⁵⁷

Di beberapa negeri di Malaysia Barat telah dibuat beberapa peruntukan mengenai perceraian dan ruju^c serta pendaftarannya.

Contohnya di Perlis diperuntukan bahawa permohonan untuk menceraikan isteri mestilah diberitahu pada *qādī* dan *qādī* tidak akan memberikan izinnya ke-

⁵⁷ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal: 28.I.

cuali ia telah yakin bahawa tidak ada jalan damai lagi.⁵⁸ Seterusnya ditentukan juga bahawa suami hendaklah menaruh sejumlah wang simpanan pada qādī tidak kurang dari nafkah sebulan untuk siisteri kecuali jika dalam perceraian itu suami tidak perlu membayar nafkah pada isteri. Jika suami lalai untuk menaruh wang simpanan nafkah itu atau mengembalikan harta kepunyaan isteri, maka ia boleh dijatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan atau denda sebanyak \$200.00.

Pihak suami dan isteri hendaklah melaputkan ruju^c pada pendaftar yang mendaftarkan perceraian ia itu sesudah 7 hari ruju^c. Mereka juga dikehendaki memberi surat keterangan cerai. Jika pendaftar yakin bahawa ruju^c adalah sah maka ia membuat satu catatan dalam daftar keterangan cerai.⁵⁹

⁵⁸Enakmen Perlis, Perkara 90.

⁵⁹Ibid., Perkara: 92 dan 93.

Di Selangor tidak ada perceraian yang boleh berlaku kecuali di hadapan seorang qādī dan sesudah kedua-dua pihak mengisi borang tertentu. Tidak ada perceraian atau ucapan tālaq yang sah kecuali didapati persetujuan dari isteri. Sisuami mestilah melaporkan perceraian itu kepada Pendaftar dalam tempoh 7 hari perceraian itu berlaku.⁶⁰

Jika dalam masa ^ciddah, berlaku ruju^c maka sisuami harus melaporkan ruju^c itu dalam masa 7 hari sesudah ruju^c. Laporan ruju^c itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar yang mendaftarkan perceraian itu. Di sini Pendaftar akan membuat penyiasatan untuk menentukan bahawa ruju^c yang berlaku itu adalah sah.

Dalam Enakmen Selangor juga ada diperuntukan bahawa seorang qādī berhak menerima permohonan cerai

⁶⁰Enakmen Selangor, Perkara: I26.

ta'liq dari seorang wanita yang bersuami. Permohonan itu harus diberitahu pada suami. Setelah itu qāḍī dapat memberi keputusan jika ia telah yakin bahawa syarat, hukum Syara' telah dipenuhi. Qāḍī juga boleh memutuskan perceraian khulu^c menurut hukum Syara' (Mazhab Shāfi^ce).⁶¹

Berhubung dengan cerai ta'liq, di Perlis tidak ada peruntukan yang khas, yang ada hanya peruntukan tentang pegawai yang mengaqadkan nikah harus menyerahkan kepada pendaftar dan kepada kedua-dua pihak yang berkahwin itu satu surat ta'liq. Mengenai dengan ta'liq ini mestilah dipenuhi dalam satu borang tertentu yang ditanda tangani oleh pegawai itu sendiri dan kedua-dua pihak yang berkahwin.⁶²

Di negeri Kelantan, Trengganu, Pahang dan Perak diperuntukan bahawa suami dapat menceraikan

⁶¹Ibid., Perkara: 123.

⁶²Enakmen Perlis, Perkara: 87.

isterinya, menurut hukum Syara'. Oleh sebab itu perceraian itu tidak payah dilakukan di hadapan qādī. Hanya suami diwajibkan melaporkan perceraian itu kepada pendaftar tempatan dalam tempuh 7 hari, hanya di Pahang ditentukan dalam tempuh 15 hari.⁶³

Di keempat-empat negeri ini juga telah diperuntukan tentang cerai ta'liq iaitu pendaftar nikah dalam mendaftarkan sesuatu perkahwinan harus menyiapkan satu surat ta'liq dalam borang tertentu dan ditanda tangani oleh kedua belah pihak. Sedangkan di-negeri-negeri lain di Malaysia Barat ta'liq tidak wajib tetapi dianjurkan.⁶⁴ Di Kelantan permohonan cerai ta'liq dimajukan kepada Mahkamah Qādī demikian juga halnya di negeri Perak.⁶⁵

⁶³Enakmen Kelantan, No. I, Perkara: 58, Enakmen Trengganu, Per: 103, Enakmen Pahang, Per: 125 dan Enakmen Perak, Per: 124.

⁶⁴Ibid., Per: 144(5), Per: 102 (5), Per: 124 (5) dan Per: 126.

⁶⁵Enakmen Kelantan, No. I, Per: 70 dan Enakmen Perak, Per: 126.

Mengenai cerai tebus *tālaq* atau khulu^c ditentukan di negeri-negeri seperti Kelantan, Trengganu, Perak, Pahang, Perlis, Pulau Pinang dan Kedah bahawa seseorang wanita yang bersuami boleh memajukan permohonan cerai tebus *tālaq* pada *qādī*. Jika suami setuju dengan cerai tebus *tālaq*, maka *qādī* boleh menetapkan jumlah tebus *tālaq* yang mesti dibayar oleh isteri menurut kedudukan dan pendapatan kedua pihak kemudian perceraian itu pun didaftarkan.⁶⁶

Di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah diperuntukan bahawa seorang *qādī* berhak menerima permohonan cerai *ta'liq* dari seorang wanita yang telah bersuami dan permohonan itu hendaklah diberitahu pada suami. Dalam hal ini *qādī* akan menentukan bahawa syarat hukum Syara' telah dipenuhi.⁶⁷

Di Johor menurut Enakmen Pentadbiran Agama

⁶⁶Enakmen Pulau Pinang & Kedah, Per: 123, Enakmen Kelantan, No. I, Per: 70, Enakmen Trengganu, Per: 104, Enakmen Pahang, Per: 127, Enakmen Perlis, Per: 91 dan Enakmen Perak, Per: 125.

⁶⁷Ibid., Per: 123, (Pulau Pinang & Kedah), Enakmen Melaka dan Negeri Sembilan, Per: 123.

Islam, setiap perceraian atau ruju^c hendaklah diberitahu oleh pihak suami dalam masa 7 hari sesudah perceraian atau ruju^c, di Pejabat Qāḍī atau Naib Qāḍī iaitu di mana tempat di mana perceraian atau ruju^c itu berlangsung ataupun di mana kedua-dua pihak itu tinggal. Tujuannya adalah untuk memberikan butir-butir tentang perceraian atau ruju^c tersebut. Begitu juga dengan cerai ta'liq dan fasakh hendaklah juga diberitahu pada Mahkamah Syari^cah.

Mengenai dengan ʿiddah mengikut Syari^cah Islamiah, masa ʿiddah itu ialah tiga kali suci akan tetapi mengikut ʿadat masa ʿiddah ialah tiga bulan 10 hari. ⁶⁹

Dari sini dapatlah diketahui bahawa hal-hal berhubung dengan perceraian dan ruju^c adalah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dalam Enakmen tiap-

⁶⁸Enakmen Johor, Perkara: 118, 120 dan 121.

⁶⁹J.E.Kempe & R.O.Winstedt, "A Malay Legal Miscellany," JMBRAS, Vol. 25, Part I, (Singapore: Malaya Publishing House, Ltd., 1952), h. 4.

tiap negeri. Enaknen-enaknen ini telah menetapkan bahwa nikah, *tālaq* dan *ruju*^c mestilah didaftarkan dan dianggap sebagai satu kesalahan jika tidak didaftarkan .